

TEKS UCAPAN
MAJLIS PENYAMPAIAN PERJANJIAN SERTA MENANDATANGANI
PAKATAN INTEGRITI OLEH TRANSPORTER NEGERI SARAWAK 2017

DI MIRI, SARAWAK
PADA 8 APRIL 2017 (SABTU)

OLEH
YB DATO' HENRY SUM AGONG
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI
DAN KEPENGGUNAAN MALAYSIA

SALAM SEJAHTERA

SALAM 1 MALAYSIA DAN *SAYU JIHIMA*

YANG SAYA HORMATI SAUDARA PENGERUSI MAJLIS,

[SALUTASI]

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

1. SAYA AMAT BERBESAR HATI KERANA PADA PAGI INI KITA DAPAT BERKUMPUL DI MAJLIS INI BAGI MENYAMPAIKAN DOKUMEN PERJANJIAN KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN *TRANSPORTER* YANG TELAH DILANTIK DI NEGERI SARAWAK BAGI **PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA TAHUN 2017** INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

2. PROGRAM INI MEMPUNYAI TUJUAN YANG SANGAT MULIA IAITU BAGI MEMBANTU GOLONGAN YANG SANGAT MEMERLUKAN DI KAWASAN LUAR BANDAR. MASYARAKAT KITA YANG TINGGAL DI LUAR BANDAR ATAU KAWASAN PEDALAMAN TERPAKSA MEMBAYAR **HARGA YANG TINGGI UNTUK MENDAPATKAN BARANG-BARANG KEPERLUAN ASAS**. PENGEDAR DAN PERUNCIT MELETAKKAN HARGA YANG TINGGI ATAS ALASAN **KOS PENGANGKUTAN** YANG PERLU DITANGGUNG.
3. KEADAAN INI TIDAK DAPAT DIELAKKAN KERANA DI SARAWAK MASIH TERDAPAT KAWASAN LUAR BANDAR DAN PEDALAMAN YANG MASIH TIDAK MEMPUNYAI KEMUDAHAN PERHUBUNGAN YANG BAIK. PENDUDUK DI KAWASAN INI **SUKAR DIHUBUNGI** KECUALI MELALUI JALAN BALAK ATAU JALAN SUNGAI DAN PERJALANAN ADALAH SANGAT SUKAR DAN MENGAMBIL MASA LAMA IAITU BEBERAPA JAM SEHINGGA BEBERAPA HARI.

4. DI KAWASAN **BA'KELALAN** MISALNYA, HARGA SATU TONG **LPG ADALAH RM55.00**. ORANG KAMPUNG YANG SUSAH TERPAKSA MEMBAYAR HARGA 2 KALI GANDA HARGA DI BANDAR IAITU RM26.60 SAHAJA SEPERTI YANG DITETAPKAN KERAJAAN.

5. MENYEDARI HAKIKAT INI, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN TELAH MELAKSANAKAN **PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA DI MANA KERAJAAN MENANGGUNG KOS PENGANGKUTAN** BARANG-BARANG KEPERLUAN KE KAWASAN LUAR BANDAR BAGI MEMASTIKAN RAKYAT DI KAWASAN PEDALAMAN BOLEH MENDAPATKAN BARANG-BARANG KEPERLUAN IAITU **BERAS, GULA, MINYAK MASAK, TEPUNG GANDUM, GAS MEMASAK (LPG), PETROL RON 95 DAN DIESEL** PADA HARGA YANG DIKAWAL OLEH KERAJAAN SAMA SEPERTI DI BANDAR.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

6. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SELAKU TRANSPORTER JUGA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK **MEMASTIKAN BEKALAN BARANG KEPERLUAN YANG DIAMANAHKAN SAMPAI KE MASYARAKAT LUAR BANDAR DALAM KEADAAN YANG BAIK DAN PADA MASA YANG DITETAPKAN**. SEJAK KEBELAKANGAN INI, KEMENTERIAN ADA MENERIMA ADUAN PENDUDUK BAHAWA BEKALAN TIDAK DIHANTAR MENGIKUT KUANTITI DAN KUALITI YANG DITETAPKAN.

7. PADA ZAMAN YANG SUKAR INI, TATKALA KERAJAAN DIBEKANI PELBAGAI ISU YANG DI"VIRAL"KAN DI MEDIA SOSIAL, KEGAGALAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENGHANTAR BEKALAN KE KAWASAN-KAWASAN YANG DIAMANAHKAN AKAN TURUT DILIHAT SEBAGAI KEGAGALAN KERAJAAN DALAM MENJAGA KEBAJIKAN RAKYAT.
8. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TRANSPORTER HENDAKLAH JUGA MEMANTAU DAN MEMASTIKAN *POINT OF SALES* YANG DILANTIK MENJUAL BARANGAN INI PADA HARGA YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

9. PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA INI TELAH DILAKSANAKAN SEKIAN LAMA, IAITU SEJAK TAHUN 2009. KOS YANG DITANGGUNG KERAJAAN AMAT BESAR DAN OLEH ITU IMPAK YANG DIHASILKAN HENDAKLAH SETIMPAL DENGAN PERBELANJAAN YANG DIKELUARKAN. OLEH ITU, SAYA INGIN MENYERU KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AGAR MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DI BAWAH PROGRAM INI DENGAN SEBAIK MUNGKIN. SEMOGA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN **MENGHAYATI NILAI *INTEGRITY PACT*** DAN MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI TRANSPORTER SECARA **JUJUR DAN TELUS**.

TUAN -TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

10. AKHIR KATA, SAYA MOHON KERJASAMA SEMUA PIHAK TERUTAMA TUAN/PUAN TRANSPORTER YANG TELAH DILANTIK DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DEMI KEBAIKAN BERSAMA. PROGRAM INI ADALAH BUKTI BAHAWA KERAJAAN AMAT PRIHATIN TERHADAP SEMUA GOLONGAN DAN KEMENTERIAN SEBAGAI SEBUAH **CARING MINISTRY** BERHARAP HASRAT SEBENAR PROGRAM INI TERCAPAI.

11. INGATLAH, WALAUPUN TANGGUNGJAWAB TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AMAT BERAT TETAPI NIAT KITA ADALAH MURNI SEKALI UNTUK MEMBANTU GOLONGAN SASAR YANG MEMERLUKAN. SAYA PERCAYA, SEKIRANYA PIHAK **TRANSPORTER DAN KERAJAAN BEKERJASAMA DAN BERSATU HATI**, PROGRAM INI AKAN DAPAT DIJAYAKAN DENGAN CEMERLANG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.